



MAKLUMAT JAWATAN DAN SYARAT LANTIKAN

1. Jawatan/Gred : **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N1**
2. Klasifikasi Perkhidmatan : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
3. Kumpulan Perkhidmatan : **PELAKSANA**
4. Penempatan : **DBP IBU PEJABAT/DBP HULU KELANG/CAWANGAN/WILAYAH**
5. Jadual Gaji (sebulan) :
- | Gaji Minimum (RM) | Gaji Maksimum (RM) | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan (RM) |
|-------------------|--------------------|----------------------------------|
| 1,500.00 | 4,680.00 | 100.00 |
- Imbuhan Tetap Khidmat Awam: RM115.00
Imbuhan Tetap Perumahan: RM300.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup: RM350.00
*Bayaran Imbuhan Wilayah: RM270.00
*Bayaran Imbuhan Perumahan Wilayah: RM200.00 – RM730.00
Nota:
*tertakluk kepada wilayah asal pemohon dan perlu isytihar wilayah asal.
6. Syarat Lantikan :
- Warganegara Malaysia;
 - Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh akhir iklan jawatan;
 - Kelayakan dan gaji permulaan;
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan Gred N1: RM1,500.00); atau
 - Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan Gred N1: RM1,500.00); atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan Gred N1: RM1,561.00); atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan Gred N1: RM1,622.00)

7. Syarat Kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Terbuka/Sijil Vokasional Malaysia(SVM) : • **SPM**
- i. Calon hendaklah memiliki dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan SPM; atau
 - ii. Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
- **SVM**
- i. mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C); dan
 - ii. kelayakan SVM dalam bidang berkaitan mengikut syarat skim perkhidmatan.
8. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
9. Ringkasan Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada tugas pentadbiran am, kewangan, pengurusan aset, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat dan pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).